

23/01/1997

Badan siasat kes seludup balak di Sabah

KOTA KINABALU, Rabu - Kerajaan negeri membentuk satu jawatan kuasa khas Kabinet bagi menyiasat kegiatan penyeludupan balak berikutan penahanan sebuah kapal kargo membawa balak bersama sejumlah 3,049 batang balak bernilai RM 7 juta di perairan Teluk Wallace, Pulau Sebatik Jumaat lalu.

Jawatankuasa itu akan membuat siasatan mengenai kedudukan sebenar sumber balak berkenaan sama ada diseludup atau dari hutan tempatan. Siasatan juga dilakukan untuk mengenal pasti kejadian berkenaan boleh dikaitkan dengan kesalahan jenayah atau penyalahgunaan kuasa dan melanggar undang-undang negeri.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee, berkata hasil siasatan jawatan kuasa berkenaan akan diketahui Isnin ini.

"Laporan berkenaan akan dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim secepat mungkin untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet, di sini hari ini.

Yong berkata, jawatankuasa yang dipengerusikan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Abdul Ghafur Salleh turut mencadangkan kaedah terbaik mengatasi dan mengawal industri balak di negeri ini supaya kejadian berkenaan tidak berulang.

Jumaat lalu, Jabatan Perhutanan Wilayah Tawau menahan kapal M V Able Helmsman yang berdaftar di Pelabuhan Klang sedang memunggah balak di Teluk Wallace, Tawau untuk dihantar Jepun.

Hasil pemeriksaan mendapati kapal berkenaan dalam pelayaran ke Jepun, antara pembeli utama balak dan produk kayu-kayan Sabah.

(END)